

## **-MEMORANDUM-**

**TARIKH** : 7 JULAI 2021 / 27 ZULKAEDAH 1442H

**KEPADA** : JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA WAKAF  
MAIK MUAMALAT (JPB WMM)

**DARIPADA** : URUSETIA WAKAF MAIK MUAMALAT

**PERKARA** : LAPORAN SUKU TAHUN KETIGA 2021 WAKAF MAIK MUAMALAT  
(JULAI - SEPTEMBER 2021)

### **1.0 OBJEKTIF**

Objektif laporan ini ditulis adalah untuk memaklumkan kepada pihak JPB WMM tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh WMM serta jumlah kutipan dan penggunaan dana WMM bagi suku tahun ketiga 2021 iaitu dari bulan Julai sehingga September 2021.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

#### **2.1 Pengenalan:**

Wakaf MAIK Muamalat (WMM) merupakan jalinan kerjasama antara Perbadanan Wakaf Negeri Kelantan dan Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi menguruskan dana Wakaf secara bersama melalui pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). Melalui usahasama ini, Wakaf MAIK Muamalat (WMM) akan menumpukan kepada aktiviti dan projek wakaf dalam dua segmen iaitu kesihatan dan pendidikan. Dana wakaf ini juga akan dilaburkan di dalam aktiviti yang berlandaskan syariah.

### 3.0 Jumlah Kutipan Bulanan WMM (Julai - September 2021):

TAHUN	BULAN	KUTIPAN BULANAN (RM)	JUMLAH BULANAN (RM)
Baki Dana Semasa WMM sehingga 30/6/2021			1,263,740.95
2021	Julai	4,106.84	15,885.51
	Ogos	4,174.46	
	September	7,604.21	
<b>JUMLAH KESELURUHAN DANA PADA 30/9/2021 (A)</b>			<b>1,279,626.46</b>

### 5.0 Pengeluaran Dana WMM (Julai - September 2021):

Tidak ada pengeluaran dari bulan Julai 2021 sehingga September 2021. Oleh itu, jumlah dana WMM sehingga 30 September 2021 adalah RM 1,279,626.46

### 6.0 Aktiviti WMM (Julai - September 2021):

Tidak ada sebarang aktiviti / majlis penyerahan dilakukan dari bulan Julai 2021 sehingga September 2021

### 6.0 KESIMPULAN

Laporan ini disediakan untuk memaklumkan kepada JPB berkenaan aktiviti-aktiviti WMM yang telah dijalankan, jumlah kutipan, dan jumlah pengeluaran dana WMM bagi suku tahun ketiga 2021 iaitu dari bulan Julai sehingga September 2021.

## 7.0 TANDATANGAN & NAMA


Disediakan oleh:



7/10/2021

.....  
(Wan Nuraihan Hj Ab Shatar)  
Urusetia JPB - BMMB

Disemak oleh:



9/10/2021

.....  
(Nurul A'in Mohamad Yusof)  
Unit Kewangan PWS